

Headline **UPM raih anugerah**
Date **18. Jun 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Pendidikan**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **23**
Article Size **49** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**



UPM raih anugerah

Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatat kejayaan apabila memenangi 10 anugerah pada 19th International Innovation & Technology (ITEX) yang berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre, baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, tujuh pingat dimenangi bagi kategori Invention Competition, iaitu dua pingat emas menerusi Prof Dr Raja Noor Zaliha Raja Abd Rahman dengan produk *L2 Lipase: A Thermostable Enzyme for Industrial Applications* dan Prof Madya Dr Lai Oi Ming dengan *Production of Palm-based Anti Obesity Functional Oil*.

Tiga perak dimenangi Prof Dr Fatimah Md Yusoff dengan produk *Mass Production of Pure and Halal Tropical Microalgae Using Photobioreactors*, Prof Madya Dr Sabira Khatun dengan *Smart Auto Driven Vehicle System* dan Dr Annie Christianus menerusi *A Recirculating System Designed for the Culture of Horseshoe Crab Larvae*. Sementara dua lagi gangsa dimenangi Prof Dr Azni Idris dan Dr Norhafizah Abdullah.